

# Tingkatkan khidmat kepada rakyat

UM 30 SEP 2003

PUTRAJAYA 29 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta kakitangan awam mempertingkatkan kecekapan dan khidmat mereka kepada rakyat supaya ia menjadi yang terbaik di dunia.

Perdana Menteri berkata, sasaran itu boleh dicapai kerana di negara-negara maju prestasi mereka semakin merosot kerana kakitangan awam tidak lagi memberi tumpuan kepada kepentingan orang ramai.

“Di Malaysia, kita masih percaya perlu memberikan khidmat yang terbaik,” katanya pada Sambutan Hari Kualiti Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Oleh itu, kata Dr. Mahathir, setiap kakitangan kerajaan perlu peka dengan apa juga masalah dan keperluan rakyat.

Katanya, setiap rungutan dan teguran perlu ditangani walaupun kadangkala ia menyakitkan hati.

Beliau berkata, walaupun menghadapi tekanan, kakitangan awam perlu menjalankan tugas mereka dengan jujur dan sempurna.

Katanya, ia penting supaya negara mendapat hasil terbaik daripada khidmat diberikan.

“Tidak mudah memberi khidmat yang boleh puas hati semua rakyat, walaupun kadangkala rungutan dan teguran mereka tidak berasas setelah diselidik. Tetapi ada juga perjalanan pentadbiran yang tidak begitu licin,” katanya.

Sebab itu setiap aduan yang diterima perlu diselidik supaya rakyat mendapat khidmat terbaik.

Kata Perdana Menteri, kerajaan turut memberi penekanan

bagi mempertingkat dan memperkemaskan sistem penyampaian supaya rakyat mendapat apa yang menjadi keperluan mereka.

Langkah itu, katanya, bukan sahaja untuk rakyat tetapi kakitangan kerajaan juga turut mendapat manfaat kerana apabila pentadbiran berjalan dengan baik negara akan maju.

Rakyat, kata Perdana Menteri, akan membayar cukai hasil pendapatan mereka kepada negara yang mana ia akan digunakan untuk bayar gaji kakitangan awam.

“Jika cukai meningkat, maka upah juga akan meningkat,” katanya.

Hasil kecekapan itu Malaysia mampu membayar gaji dan upah yang tinggi berbanding negara jiran lain kecuali Singapura.

Katanya, ia bukti bahawa apabila kakitangan kerajaan memberikan khidmat yang terbaik mereka akan mendapat pulangan daripadanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah Hari Kualiti Perbenaharaan yang melibatkan agensi-agensi di bawahnya.

Sementara itu Dr. Mahathir berkata, sektor swasta dan kesatuan sekerja adalah rakan kerajaan dalam membangun dan memajukan negara.

Perdana Menteri berkata, pendapat yang mengatakan kerajaan adalah musuh kepada peniaga dan pengusaha adalah tanggapan lama yang tidak boleh diguna pakai lagi.